

**PAS bertemu seramai mungkin pengundi untuk tawan Kuala Besut**  
**Malaysian Insider**  
**July 13 , 2013**  
**Oleh The Malaysian Insider**

Untuk cuba menawan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut yang menjadi kubu kuat Barisan Nasional (BN), PAS menggunakan pendekatan bertemu dengan seramai mungkin pengundi bagi memastikan kemenangan dicapai.

Calon PAS bagi kerusi itu, Azlan Yusof atau lebih dikenali sebagai Che Long sibuk sejak diumumkan sebagai calon. Beliau dibawa ke hulu ke hilir oleh rakan-rakannya dalam PAS dan Pakatan Rakyat (PR) untuk bertemu dengan seramai mungkin rakyat menjelang pilihan raya kecil (PRK) bagi DUN Kuala Besut pada 24 Julai ini.

Sebaik saja selesai penamaan calon semalam, Che Long terus bergerak ke sana ke mari. Mungkin kerana itulah, beliau membuat persediaan awal. Ketika semua orang memakai kasut kulit untuk berarak, Che Long memilih untuk memakai kasut sukan.

Namun kerana beliau adalah anak tempatan yang lahir dan membesar serta berniaga di Kuala Besut, ia tidak menjadi masalah kepadanya. Hampir semua orang sudah mengenalinya. Apa yang beliau perlukan hanya menyapa serta bersalam dengan mereka dan pastikan mereka yakin beliau mampu membantu menyelesaikan masalah mereka selepas ini.

Pada hari pertama, sebaik sahaja selesai penamaan calon, Che Long memilih untuk solat Jumaat di Masjid Kuala Besut.

Ia terletak dalam Unit Peti Undi (UPU) Seberang Barat.

Kuala Besut mempunyai lapan peti undi. PAS hanya menang dua peti undi sahaja dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu iaitu di Bukit Puteri (majoriti 90 undi) dan Kampung Nangka (majoriti 79 undi).

Di Seberang Barat, PAS kalah teruk dalam PRU lalu. Calonnya Napisah Ismail hanya mendapat 38.4 peratus sahaja undi penduduk di sini. PAS kalah 310 undi kepada BN di sini sahaja.

PAS juga kalah teruk di UPU Seberang Barat Luar iaitu kalah 750 undi kepada calon BN dalam pilihan raya umum lalu.

Pada sebelah petangnya, Che Long terus berkempen secara agresif. Kali ini beliau menziarahi penduduk di Seberang Barat Luar dan Seberang Barat.

Lewat petang beliau ke Bazaar Ramadhan di pekan Kuala Besut yang juga terletak di UPU Seberang Barat. Beliau kemudiannya bersolat terawih di Masjid Telok Budu dalam UPU Seberang Barat Luar.

Sebagaimana rutin biasa, pada sebelah malam, PAS akan mengadakan ceramah. Malam tadi, Che Long menyertai tiga ceramah. Beliau menyertai ceramah di Pasti Pantai, Pusu Tinggi dan Gong Penaga.

Semuanya terpaksa beliau sertai walaupun sekejap. Beliau hanya berucap sepatah dua

untuk memperkenalkan diri sebagai calon.

Tidak sebagaimana bulan biasa, ceramah PAS bermula agak lewat di bulan puasa ini. Ini kerana, umat Islam akan menunaikan solat Terawih hingga jam 10 malam dalam bulan Ramadhan ini.

98 peratus pemilih di Kuala Besut adalah Melayu beragama Islam.

Ceramah adalah cara utama PAS menyampaikan mesej kepada pengundi di sini.

PAS hanya mempunyai cara itu, tidak seperti BN yang mempunyai radio, televisyen dan akhbar untuk berkomunikasi dengan pengundi.

Walaupun PAS mempunyai akses yang baik kepada media sosial khususnya laman web tetapi kebanyakan pengundi Kuala Besut tidak mempunyai akses yang baik kepada media itu.

Mungkin kerana itulah, ketika kebanyakan pengundi bandar bersama PR, pengundi Kuala Besut tetap memilih BN dalam pilihan raya umum lalu.

Jadi cara yang paling sesuai untuk berkomunikasi dengan pengundi di sini adalah ceramah dan ziarah rumah ke rumah.

Calon BN, Tengku Zaihan Che Ku Abdul Rahman juga sibuk bergerak ke sana sini.

Sebelum hari penamaan calon lagi beliau di bawa ke Pulau Perhentian bersama wartawan oleh jentera BN.

Di pulau ini ada 771 pengundi. Dalam PRU lalu hanya 28.2 peratus atau 179 pengundi di sini mengundi PAS.

Namun rasa tidak puas hati mereka terhadap wakil rakyat BN yang lalu mungkin membawa padah kepada BN.

"Walaupun sudah dua hari puasa, saya masih belum berbuka di rumah lagi," rungut bekas pegawai kerajaan yang dipilih menjadi calon BN itu.

Tengku Zaihan adalah Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (Bahagian Korporat) yang baru berusia 37 tahun.

Beliau berkahwin dan mempunyai empat anak. Sejak menjadi calon beliau sudah tentu terpaksa meninggalkan mereka bagi memberikan tumpuan kepada kempen ini.

Petang ini, Tengku Zaihan dijadualkan bertemu dengan penduduk di Kampung Nangka, kubu kuat PAS selama ini. Beliau dijadualkan berbuka puasa di situ.

Pilihan raya di bulan Ramadan sudah tentu memberikan cabaran yang berat.

Ini kerana, pergerakan mereka agak terhad di waktu siang kerana lapar dan dahaga.

Untuk tidak berpuasa tentu sukar. Jika tertangkap, sudah tentu habislah kredibiliti mereka. Tambahan lagi sejak kebelakangan ini Umno sentiasa saja bercakap dan bertindak atas nama Islam.

Mungkin kerana itu, waktu yang paling sesuai berkempen adalah mengunjungi bazaar Ramadan pada lewat petang, berbuka bersama pengundi, solat terawih bersama pengundi dan ceramah di waktu malam.

Mungkin selepas ini, ada yang membuat majlis bersahur di awal pagi sepanjang kempen pilihan raya ini. - 13 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-bertemu-seramai-mungkin-pengundi-untuk-tawan-kuala-besut/>